



Submission date: 04/09/2018

Accepted date: 25/12/2018

**PERUBATAN NABI:
KEFAHAMAN TERHADAP SUNNAH DAN PRAKTIS PERAWAT**

Prophet's Medicine: Understanding towards Sunnah and the Practice of Muslim Healers

Kasim Ramli

Centre for Foundation Studies, International Islamic University Malaysia

Sofia Hayati Yusoff

Universiti Sains Islam Malaysia

rkasim@iium.edu.my

Abstrak

Setiap insan pasti mengalami sakit. Pesakit perlukan rawatan. Lazimnya perawat merawat pesakit berdasarkan kepercayaan, ilmu, tradisi dan persekitaran. Nabi Muhammad s.a.w telah mengamalkan beberapa teknik rawatan untuk merawat diri sendiri, ahli keluarga dan para sahabat. Kajian ini bertujuan 1) meneliti keberkesanan rawatan nabawi terhadap pesakit 2) menyatakan kewujudan teknik rawatan yang lebih mesra jiwa, lebih selamat dan lebih jimat berbanding ubat berdasarkan kimia dan dadah 3) mengenalpasti sesetengah institusi perubatan di Malaysia yang masih mengamalkan legasi nabawi ini dalam era kemajuan perubatan moden. 4) menyatakan bahawa sebahagian kaedah ini tertakluk kepada kajian dan ujian yang sesuai dengan kehendak persekitaran, peredaran zaman ramuan perubatan. Metod Kajian ini berdasarkan pengalaman khidmat rawatan pengkaji sendiri dan penglibatan beliau dengan persatuan perubatan Islam ternama dalam negara serta penelitian terhadap teks al-Quran dan al-Sunnah. Kajian ini mendapati tiada kritikan terhadap pelbagai kaedah perubatan kecuali berkaitan penggunaan pelbagai bahan herba. Berdasarkan pengalaman rawatan pengkaji, terdapat puluhan kes kesembuhan pesakit melalui penggunaan herba yang dinyatakan dalam hadis tetapi terdapat juga puluhan kes kesembuhan pesakit disebabkan pengguna bahan-bahan herba tempatan.

Kata kunci: hadith Nabi, institusi perubatan, kerohanian, psikologi.

Abstract

Every individual experiences pain. Every patient needs treatment. Usually, Islamic medicine's practitioner or healer treats patients based on belief, knowledge, tradition and surroundings. Prophet Muhammad SAW applied few methods in treating himself, family members and friends. He also taught and encouraged his family them to follow his Sunnah. This research aims 1) to examine the effectiveness of prophet's treatment on patients, 2) to identify the existence of medical techniques that are more psychological friendly, safer and saver compared to conventional medicine, 3) to identify some medical institutions in Malaysia that still apply

the Prophet's legacy in the modern era of medical development, and 4) to express that some methods are subject to research and examinations which are suitable with surroundings, and time change. This research is based on experience of the researcher as Islamic medicine's practitioner and his contribution in prominent Islamic medicine's organization in Malaysia and as well as research on both texts; the Quran and al-Sunnah. The study found no criticisms on various medical methods except for the use of various herbs. Based on the treatment experience, there are dozens of cases of healing of patients' through the use of herbs highlighted in the hadith but there are also dozens of cases of healing of patients due to the use of local herbal ingredients.

Key words: Prophet's hadith, medical institution, spiritual, psychology.

PENGENALAN

Termaktub dalam suratan takdir bahawa setiap manusia pasti mengalami sakit; zahir dan batin sejajar dengan firman Allah s.w.t yang bermaksud: ‘Tiada suatu bencanapun yang menimpa di bumi dan tidak pula pada dirimu sendiri melainkan telah tertulis dalam kitab (Lauh Mahfuz) sebelum Kami menciptakannya. Sesungguhnya yang demikian itu adalah mudah bagi Allah’ (Surah al-Hadid: 22). Takdir ini menimpa semua orang tanpa pengecualian termasuk para nabi, para wali dan orang biasa. Nabi Ayyub a.s. mengalami sakit untuk tempoh tertentu (Surah al-Anbiya’ 83 & Surah Saad: 41). Nabi Muhammad s.a.w. juga jatuh sakit beberapa kali seperti sakit kepala dan diserang sihir (Muslim, 2000:971. Hadis no: 5703). Demikian juga beberapa tokoh negara seperti Tun Dr Mahadhir Muhammad dan Almarhum Tuan Guru Harun Din yang mengalami masalah kesihatan jantung beberapa kali, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menderita sakit bahu dan sakit badan. Ini bermaksud memaparkan beberapa contoh kontemporari yang relevan dengan tulisan ini.

Muslim harus percaya bahawa suratan ini bertujuan menghapuskan sebahagian dosa yang dilakukan pesakit sebagaimana makluman Nabi s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud: ‘Tiada satu gangguan yang menimpa seseorang Muslim, sakit dan sebagainya, kecuali Allah gugurkan kesalahannya seperti pokok gugurkan daunnya’ (Al-Bukhārī, 2002:1431. Hadis no: 5324). Penghapusan dosa ini merupakan manfaat kurniaan Allah s.w.t kepada para hambanya yang ditimpa musibah sakit.

Walaupun pesakit peroleh ampunan dosa dengan sebab kezuruan yang dirasai, ia dituntut supaya mendapatkan rawatan kerana terdapat penawar untuk semua jenis penyakit atau semua penyakit boleh dirawat apabila ubat dan penawar sesuai dengan penyakit selaras dengan gesaan Nabi s.a.w. yang bermaksud: ‘dapatkan rawatan wahai para hamba Allah kerana sesungguhnya Allah s.w.t. tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan menurunkan sesuatu penawar untuknya’ (Al-Bukhārī, 2002: 441. Hadis no: 5354; Muslim, 2000: 977. Hadis no: 5741 & At-Tirmidhī, 1962:561. Hadis no: 2058). Pesakit harus menyahut seruan ini samada melibatkan perbelanjaan besar atau kecil, lokasi rawatan dekat atau jauh, kaedah rawatan traditional atau modern dan lain-lain perkara yang berkaitan rawatan. Ini merupakan usaha dan ikhtiar pesakit untuk diserahkan kepada Allah s.w.t. untuk ketentuan samada mengembalikan kesihatan atau sebaliknya. Justeru Nabi Ayyub a.s. telah merawat dirinya dengan doa dan air (Surah al-Anbiya’: 83 & Surah Sadd: 42). Nabi Muhammad s.a.w merawat sakit kepala dengan kaedah bekam (Al-Bukhārī, 2002: 1448. Hadis no: 5373) dan merawat sihir pada diri dengan al-*Mau’zatain* (At-Tirmidhī, 1962:390. Hadis no: 2058). Demikian juga dengan tiga personaliti tadi. Mereka berusaha dan berikhtiar mendapat rawatan di dalam dan di luar negara sebagai salah satu tuntutan kelangsungan hidup.

KAEDAH PERUBATAN NABI

Berdasarkan pelbagai riwayat hadith, baginda s.a.w. dan para sahabat menggunakan pelbagai kaedah rawatan merawat diri atau pesakit berdasarkan keperluan semasa dan kemudahan tempatan. Penulisan ini memaparkan beberapa contoh rawatan amalan mereka dan disusuli dengan perbahasan dan perbincangan pelbagai pihak mengenainya terutamanya *Muhaddithun*, pengkritik hadis dan pakar rawatan.

1- Kaedah Rawatan Menggunakan Al-Quran

Kaedah ini melibatkan bacaan surah atau ayat tertentu sahaja, bacaan surah yang disertai dengan hembusan, ludahan liur atau hembusan dan sentuhan atau bacaan alquran yang disertai dengan penggunaan bahan tertentu seperti garam. Bacaan surah tertentu atau ayat tertentu sahaja seperti rawatan seorang sahabat terhadap mangsa yang terkena sengatan atau patukan dengan bacaan surah al-Fatihah sahaja. Kesannya ialah pesakit mendapat kesembuhan (Al-Bukhārī, 2002:1442. Hadis no: 5404). Bacaan surah yang disertai ludahan liur ialah seperti rawatan seorang sahabat lain terhadap pesakit yang terkena sengatan serangga atau patukan ular dengan al-Fatihah sambil meludah liur di bahagian anggota yang sakit. Kesannya ialah pesakit kembali sihat sejahtera (Al-Bukhārī, 2002:1453. Hadis no: 5404). Terdapat juga bacaan beberapa surah tertentu seperti al-Muawwizat yang disertakan dengan hembusan nafas dan sentuhan di tempat sakit sebagaiman Aisyah r.a. melakukannya terhadap baginda s.a.w. semasa mengalami sakit (Al-Bukhārī, 2002:1453. Hadis no: 5404). Ada juga bacaan surah tertentu yang melibatkan penggunaan bahan tertentu seperti baginda s.a.w. membaca *al-Mau'zatain* dan melarutkan garam dalam air untuk merawat tangan baginda yang sakit disengat kala jengking semasa menunaikan solat.

2- Kaedah Rawatan Menggunakan Pelbagai Doa

Rasulullah s.a.w. menggunakan kaedah ini dalam pelbagai cara untuk rawatan diri dan para sahabat. Antaranya ialah bacaan doa sahaja seperti ruqyah Jibril (Muslim, 2000:970. Hadis no: 5700) dan doa baginda s.a.w. terhadap Saad bin Abi Waqqas r.a iaitu ‘Ya Allah sembuhkanlah Saad’ semasa melakukan lawatan terhadap pesakit (Al-Bukhārī, 2002:1439. Hadis no: 5335). Terdapat juga beberapa hadis yang menyatakan bacaan doa yang disertai dengan sentuhan ke atas anggota badan pesakit tertentu (Muslim 2000:972. Hadis no: 5707 & Ibn Majah, 2002:587. Hadis no: 3522). Juga doa yang disertai dengan pengguna sesetengah bahan seperti pasir atau tanah (Al-Bukhārī, 2002: 1454. Hadis no: 5746; Abu Dawud, 2009: 34. Hadis no: 3885 & Ibn Majah, 2002: 587. Hadis no: 3521).

3- Kaedah Rawatan Menggunakan Pelbagai Bahan

Telah sabit bahawa Baginda s.a.w. tidak membaca sebarang ayat al-quran dan doa apabila baginda s.a.w. merawat diri sendiri atau menyuruh pesakit dari kalangan para sahabat menggunakan pelbagai bahan rawatan atau menggunakan beberapa kaedah rawatan lain. Antara bahan-bahan rawatan ialah air, buah-buahan, herba, makanan, minuman, haiwan dan lain-lain perkara berkaitan. Air yang dimaksudkan ialah air biasa untuk menyegukkan pesakit yang mengalami demam (Al-Bukhārī, 2002:1450. Hadis no: 5391; Muslim, 2002:978. Hadis no: 5751 & At-Tirmidhī, 1962: 586. Hadis no 2073), air wuduk untuk menyedarkan pesakit koma atau pengsan (Al-Bukhārī, 2002: 1433. Hadis no: 5352) dan air zamzam yang diminum dengan niat untuk merawat sebarang penyakit atau kesihatan umum (Ibn Majah, 2002:518. Hadis no: 3062). Buah-buahan yang popular dalam rawatan tib nabawi ialah ajwah untuk ubati gangguan sihir dan menawarkan racun (Al-Bukhārī, 2002:1460. Hadis no: 5435; Abu Dawud, 2002:24. Hadis no: 3876; At-Tirmidhī, 1962:582. Hadis no: 2066 & Ibn Majah, 2002:578. Hadis no: 3455). Antara makanan ialah bubur gandum (talbinah) sebagai penawar mengurangkan duka cita pesakit (Al-Bukhārī, 2002:1443. Hadis no 5365 & Muslim, 2000:981. Hadis no 5769). Minuman yang popular ialah madu yang digunakan untuk merawat sahabat yang mengalami sakit perut (Al-Bukhārī, 2002: 1448-1449. Hadis no 5386; Muslim, 2000: 981-982. Hadis no

5570 & At-Tirmidhī. 1962:592. Hadis no: 2082) selain susu unta dan kencing unta untuk mengatasi alahan cuaca sejuk yang dideritai Arab dusun yang datang menziarahi Nabi s.a.w. di kota Madinah (Al-Bukhārī, 2002:1442. Hadis no 5362). Manakala bahan herba adalah pelbagai contohnya habbwaw sawda' untuk penyakit umum kecuali mati (Al-Bukhārī, 2002:5363. Hadis no 5364), kayu gaharu untuk rawatan tujuh jenis penyakit (Al-Bukhārī, 2002: 1444. Hadis no: 5368 & Muslim, 2000:980. Hadis no: 5763), daun inai untuk rawatan rawatan ulser dan cucukan duri (At-Tirmidhī, 1962:598. Hadis no: 2054), dan lidah buaya untuk rawatan sakit mata (Muslim, 2000:501. Hadis no 2888).

Tidak ketinggalan ialah bahan rawatan produk haiwan. Tersohor ialah buah zakar kambing untuk merawat penyakit *irq al-nisa* (Sciatica) (Ibn Majah, 2002:580. Hadis no: 3463, & al-Hakim, 2002:229. Hadis No7459). Kaedah rawatan lain yang baginda s.a.w. amalkan sendiri dan galakkan para sahabat serta ummah melakukannya ialah bekam untuk rawatan pelbagai penyakit seperti sakit kepala dan lain-lain (Al-Bukhārī, 2002:1445. Hadis no 5371).

Berkaitan rawatan menggunakan al-Quran, Allah s.w.t. menegaskan bahawa al-Quran bukan sahaja merupakan penawar bahkan hidayah dan rahmat kepada pesakit yang menderita penyakit zahir dan batin. Antaranya ialah firman Allah:

وَنَزَّلَ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شَفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

Terjemahan: (Dan Kami turunkan ayat-ayat suci dari Al-Quran yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya) (Surah al-Isra': 82).

Berdasarkan amalan Nabi dan para sahabat, mereka membaca surah atau ayat pilihan tertentu untuk merawat sakit dan penyakit tertentu seperti al-Fatiyah untuk merawat mangsa patukan ular dan pesakit gila (Abu Dawud, 2002:42. Hadis no:3887 & al-Hakim, 2002:474. Hadis no:2055). Mereka tidak menggunakan semua ayat al-Quran untuk rawatan walaupun secara prinsip semua ayat al-Quran merupakan ubat. Terdapat banyak surah atau ayat al-Quran yang tidak digunakan oleh Nabi s.a.w. dalam rawatan tetapi digunakan oleh para perawat dan pesakit yang lain untuk tujuan perubatan. Contohnya ialah Imam al-Qusyairi r.h membaca enam ayat al-Quran yang mengandungi perkataan 'syifa' untuk merawat anaknya yang sakit tenat. Enam syifa itu ialah surah al-Tauba ayat 14, surah Yunus ayat 57, surah al-Nahl ayat 69, surah al-Isra' ayat 82 dan surah Fussilat ayat 44. Hasilnya ialah putera kesayangannya kembali sihat. Misalnya juga ialah Ibn Taimiyah r.h. yang mengalami gangguan syaitan mengakibatkan jiwa raga beliau lemah longlai. Beliau minta bantuan ahli keluarga supaya merawat beliau dengan membaca enam ayat sakinah iaitu surah al-Baqarah ayat 248, surah al-Tauba ayat 26 dan ayat 40, surah al-Fath ayat 4, 18 dan 26. Dengan berkat al-quran, beliau beransur pulih dan sembah. Ibn Qayyim r.h. berkata apabila aku berada dalam kesusahan dan tekanan, aku mengamalkan enam ayat sakinah dan aku dapati ia sangat mujarab dan berkesan (Ibn Qayyim, 2011:2825). Ini bermaksud menyatakan bahawa al-Quran al-Karim boleh digunakan sebagai penyembuh dan penawar untuk masalah kesihatan yang dihadapi pesakit meskipun ayat dan surah tertentu tidak pernah digunakan oleh Nabi s.a.w. dan para sahabat r.a. dalam rawatan mereka. Keberkesaan ayat dan surah al-Quran berdasarkan pelbagai riwayat hadith, ilham dan pengalaman perubatan yang dijalani dan dialami ilmuan dan sarjana Muslim dari kalangan ahli tafsir, hadis, sufi, falsafah, perubatan dan lain-lain adalah diakui. Pokoknya asas rawatan mereka ialah al-Quran al-Karim kerana Allah dan Rasul sebulat suara menegaskan bahawa al-Quran merupakan penawar dan ubat. Dalam sebuah hadis, Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud: (Hendaklah kamu merawat dengan dua penawar; madu dan al-Quran) (Ibn Majah, 2002:577. Hadis no: 3452 & al-Hakim, 2002: 222. Hadis no: 4735).

Berkenaan kaedah rawatan berasaskan doa, lazimnya doa para nabi adalah mustajab. Antara doa yang popular ialah doa nabi Ayyub (Surah Al-Anbiya': 83) dan nabi Yunus a.s (Surah Al-Anbiya': 87) saat ditimpa sakit dan kesusahan. Ternyata Allah s.w.t. kurniakan kesihatan dan kelapangan kepada mereka.

وأَيُّوبٌ إِذْ نَادَى رَبَّهُ أَنِّي مُسْتَنِيُ الْضُّرُّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

وَنَادَى فِي الظُّلُمَاتِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سَبَحَانَكَ إِنِّي كُنْتَ مِنَ الظَّالِمِينَ

Pelbagai doa nabi s.a.w untuk merawat diri sendiri dan para sahabat yang sakit adalah mustajab standing doa para nabi lain. Selain itu, pendoa layak mendapat syafaat darinya pada hari akhirat nanti. Ini merupakan salah satu ciri keistimewaan khas untuk pesakit atau perawata yang berdoa dengan doa-doa mathurat sebagaimana termaklum dalam hadis yang bermaksud: “Setiap nabi mempunyai doa mustajab yang dia berdoa dengannya. Aku ingin menjadikan doaku sebagai syafaat untuk ummatku pada hari akhirat” (Al-Bukhari, 1962). Ini bermakna penggunaan pelbagai doa nabi menjanjikan dua kelebihan iaitu mustajab yakni Allah s.w.t memakbulkan doa perawat dan pesakit, dengannya mendapat kesembuhan dan mendapat syafaat pada hari kesusahan mahsyar kelak.

Ruqyah pesakit yang disertai dengan hembusan seperti dinyatakan tadi perlu mendapat ruang dalam penulisan ini. Setiap perbuatan dan kelakuan baginda s.a.w. termasuk kaedah ini tidak harus dipandang sebagai sia-sia kerana ia digunakan berasaskan sandaran dan ikutan justeru ia memberi kesan baik dan buruk tersendiri. Dengan hembusan nafas dari Allah s.w.t, Adam a.s. bernyawa seperti firmanNya yang bermaksud: ‘Maka apabila aku (Allah) sempurnakan kejadiannya (Adam) dan Aku telah hembuskan ruhKu padanya lalu mereka (Malaikat) sujud kepadanya’ (Surah al-Hijr: 29). Dengan hembusan Jibril a.s. pada kemaluan sulit Maryam a.s., beliau ditakdir hamilkan bakal seorang rasul Isa a.s. seperti dinyatakan dalam firman Allah yang bermaksud: ‘dan kami memelihara farajnya lantas kami hembuskan padanya ruh kami serta kami jadikannya (Maryam) dan anaknya (Isa) sebagai ayat kebenaran dan kebesaran (Allah) untuk semesta alam’ (Surah Al-Anbiya': 91). Dengan hembusan Isa a.s. pada tanah liat, ia bertukar menjadi seekor burung yang terbang bebas seperti dijelaskan dalam firman Allah yang bermaksud: ‘Sesuguhnya aku (Isa) menjadikan sebahagian tanah liat untuk kamu seperti bentuk burung lalu aku menghembus padanya lantas ia menjadi seekor burung dengan izin Allah’ (Surah Ali Imran: 49).

Harus diketahui bahawa antara akhlak Nabi s.a.w. ialah meniru al-Quran al-Karim. Di dalam kontak ini ialah meniru perbuatan menghembus atau meniup yang dilakukan Allah, Jibril dan Isa a.s. dengan keyakinan bahawa tiruan ini pasti membawa hasil berbaloi iaitu kesembuhan. Barangkali rawatan baginda dengan kaedah ini juga bermaksud memberi tentangan kepada hembusan yang memberi kesan buruk seperti hembusan jampi serapah tukang sihir dan guna-guna pendengki (Surah Al-Falaq: 4-5) juga gangguan syaitan (Ibn Majah, 2002: 152. Hadis no: 807). Yakni jika sakit pesakit disebabkan oleh hembusan jahat mereka maka hembusan ruqyah al-quran dan doa mampu membatalkan kesan buruk yang menimpa pesakit akibat hembusan jahat itu.

Seperti hembusan, sentuhan terhadap pesakit semasa sesi rawatan memberi kesan kesembuhan. Antara mukjizat fizikal Nabi Isa a.s. ialah merawat pesakit buta mata, sopak dan menghidupkan mayat dengan izin Allah s.w.t (Surah Ali ‘Imran: 49). Menurut pendapat sesetengah ulama, kaedah rawatan baginda ialah menyentuh atau menyapu anggota pesakit disertai dengan doa tertentu (Ibn ‘Abd al-Barr, 2008:366). Nabi s.a.w. memanfaatkan kaedah dan amalan ini untuk

merawat diri dan para sahabat. Bahkan baginda s.a.w. menggalakkan mereka menyentuh dan menyapu anggota pesakit bila menjalankan rawatan.

Dalam semua kaedah utama yang dinyatakan, Nabi s.a.w. menggunakan beberapa kaedah teknikal sampingan lain seperti bilangan ganjil apabila membaca ruqyah al-Quran seperti al-Fatiyah tiga kali atau tujuh kali (Abu Dawud, 2002:3889. Hadis no: 3887 & at-Tirmidhī, 1962:579. Hadis no: 2080), dan mengulangi doa tertentu sebanyak tiga atau tujuh kali (Muslim, 2000:976. Hadis no: 5737 & at-Tirmidhī, 1962:593. Hadis no: 2083), melakukan rawatan tiga hari berturut-turut, mandian pesakit tiga hingga sembilan kali (Al-Bukhārī, 2002:1447. Hadis no: 5386 & Abu Dawud, 2002:46. Hadis no: 3901), menggunakan habbah sawda' sebanyak lima atau tujuh biji (At-Tirmidhī, 1962:594. Hadis no: 2084) atau minum madu tiga kali atau tiga hari minum (Al-Bukhārī, 2002:1443. Hadis no: 5364) dan sebagainya. Keganjilan ini mempunyai maksud dan makna tersendiri. Dari sudut tauhid dan aqidah, Allah s.w.t. adalah ganjil, cintakan keganjilan (Muslim, 2000:369. Hadis no: 2677). Sebagai rasul, baginda s.a.w cintai apa sahaja yang Allah cintai, sebagai wasilah untuk membina keakraban hubungan dan mencapai cinta Ilahi. Dari sisi ibadah dan amal soleh, kebanyakan ibadah fardu dan ibadah sunat dilakukan dalam bentuk keganjilan seperti solat lima waktu, bersuci tiga kali, melakukan tawaf tujuh pusingan dan sai' tujuh kali, hari Tasyrik dan bermalam di Mina tiga hari bahkan tahmid, tasbih dan takbir dilakukan sebanyak 33 kali setiap satu (Ibn Hajar, 2005:487). Pokoknya mendapatkan rawatan merupakan ibadah dan memberi rawatan juga merupakan ibadah, maka pelbagai perkara berkaitan perubatan harus berasaskan keganjilan supaya kelihatan selari dengan keimanan kepada Allah s.w.t. dan pelbagai ibadah utama yang lain. Dengan berkat keganjilan, kesembuhan, rahmat dan hidayah dalam rawatan dan perubatan adalah terjamin.

Mengenai pelbagai bahan rawatan gunaan Nabi s.a.w. dan para sahabat seperti dinyatakan, para ulama mempunyai pandangan berbeza. Ibn Qayyim dan ulama hadis berpendapat semua bahan yang digunakan oleh mereka untuk perubatan adalah penawar bagi penyakit yang dinyatakan kerana perbuatan & percakapan baginda s.a.w. mengenai ubat-ubatan adalah berasaskan wahyu al-Quran (Surah Al-Najm: 3-4) justeru itu ia adalah benar dan tepat (Ibn Qayyim, 1998:380) bukan bersandarkan andaian dan telahan. Ini bermaksud jika pesakit mengalami masalah sakit perut – misalnya - maka penawar untuknya ialah madu bukan bahan lain.

Sesetengah ulama (Ibn Khaldūn, 2004:269; al-Asyqar, 1988:243-247; al-Qardhawi, 1997:66-67 & Ismail, S. 2001: 30-37) berpendapat bahawa pelbagai bahan yang dinyatakan dalam pelbagai riwayat hadith tidak wajib diikuti sepenuhnya walaupun status hadith adalah sahih kerana:

1 - Ia merupakan urusan duniawi yang memungkinkan baginda s.a.w. menyatakan sesuatu mengenai bahan berasaskan pengetahuan yang terbatas semata-mata. Antara hujjah mereka ialah beberapa hadis yang menyatakan baginda s.a.w. kurang arif mengenai tumbuh-tumbuhan seperti cadangan baginda kepada para petani dari kalangan sahabat supaya tidak mengahwinkan pokok tamar. Mereka menuruti cadangan itu atas dasar mentaati rasul. Akibatnya hasil makin berkurangan lantas mereka mengadu kepada baginda mengenai penyusutan hasil dan pendapatan. Baginda menjawab ‘Apabila aku menyuruh kamu berasaskan pendapat dan pandangan peribadi maka aku adalah manusia seperti kamu’ (Muslim, 2000:679. Hadis no: 3970). Walau bagaimanapun kesilapan duniawi ini tidak mencacatkan kenabian dan kerasulan baginda.

2 - Pelbagai bahan rawatan tertakluk kepada keperluan setempat & semasa. Ia dipengaruhi pelbagai faktor geografi seperti tanah, cuaca, budaya dan lain-lain. Pelbagai penyakit dan penawar yang sesuai boleh ditemui dan didapati melalui penemuan, ujian, kajian dan

pengalaman tempatan oleh pihak pengkhususan dan berpengalaman. Mengenai hadis rawatan demam menggunakan air (Al-Bukhārī, 2002:1454. Hadis no: 5746; Abu Dawud, 2009:34. Hadis no: 3885 & Ibn Majah, 2002:587. Hadis no: 3521), para pakar berpendapat kaedah ini sesuai untuk iklim dan warga Hijaz kerana kebanyakan demam yang menimpa mereka ialah demam harian yang boleh ditangani dengan air dengan cara minum dan mandi. Hadis ini menjelaskan kebiasaan demam daerah Hijaz yang disebabkan oleh panas matahari yang keterlaluan. Ia boleh diubati dengan berendam dalam air atau minum air sejuk. Pesakit tidak lagi perlukan kepada ubat-ubatan lain. Tetapi hadis ini tidak menjelaskan jenis demam yang lain (Al-Kahhal, 2004:57) antaranya ialah demam denggi, demam kepialu atau chikungunya, malaria dan lain-lain yang memerlukan rawatan dan ubatan yang lain yang secukup dengan lokaliti penularan jenis-jenis demam.

KAEDAH RAWATAN PERSATUAN PERUBATAN DAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (DARUSSYIFA')

Antara matlamat penubuhan Darussyifa' ialah menawarkan khidmat perubatan kepada masyarakat berasaskan al-Quran dan Sunnah dengan memerangi amalan khurafat dan syirik bomoh, dukun, pesilat dan lain-lain dalam perawatan disamping menjadikan khidmat masyarakat ini sebagai wasilah dan wadah dakwah.

Berkenaan pelbagai kaedah rawatan nabawi yang dinyatakan di atas, Darussyifa mengaplikasikan pelbagai kaedah itu dalam amali perubatan. Pelbagai ayat al-Quran digunakan mengikut kesesuaian dengan jenis penyakit zahir dan batin. Al-Fatiyah merupakan ruqyah utama untuk semua penyakit dan masalah kesihatan. Untuk penyakit tertentu, terdapat kelainan teknikal rawatan seperti membaca surah al-Fatiyah sekali dengan satu nafas dan surah al-Ikhlas empat kali dengan satu nafas, untuk rawatan penyakit barah (Harun, D. 2011:171), ruqyah Yasin Kaifiyat kepada pesakit koma iaitu membaca beberapa ayat dan berdoa seterusnya membaca beberapa ayat berikut dan berdoa, dan meneruskan bacaan beberapa ayat seterusnya dan berdoa sehingga membaca beberapa ayat terakhir dan berdoa (Harun, D. 2011:211-218). Asas amalan ini ialah pengalaman rawatan silam hingga kini membuktikan bahawa pesakit semakin pulih dan beransur sihat.

Turut diamalkan dalam perubatan ialah sentuh & hembus mengikut sunnah dan ijтиhad mengikut kesesuaian. Keadaan sentuh diaplikasikan secara tangan perawat menyentuh anggota pesakit secara tetap dan bergerak iaitu perawat menggerakkan tapak tangan ke mana-mana anggota pesakit yang sakit seperti dahi dan bahu atau menggosok ke atas dan ke bawah atau ke kanan dan ke ke kiri, atau mengurut atau menepuk, mengikut keperluan rawatan. Semuanya membawa maksud ‘sentuh’. Tidak ketinggalan ialah hembus yang dilakukan dengan hembusan angin kosong, atau disertai sedikit liur ke arah pesakit atau bahan rawatan. Penulis pernah membawa anak berusia dua tahun lebih untuk rawatan berhenti dari menyusu. Almarhum Tuan Guru membaca doa pemutus susu sambil menghembus dengan menempiaskan sedikit percikan air liur ke muka anak. Dia berhenti menyusu sepenuhnya dua hari selepas rawatan.

Keganjilan merupakan amal teknikal yang penting dalam rawatan. Darussyifa' mengamalkan bacaan ruqyah al-quran dan doa ma'thurat secara ganjil. Keganjilan ini juga melibatkan pengambilan dan penggunaan pelbagai bahan rawatan seperti mineral, buah-buahan, tumbuhan herba, haiwan dan lain-lain seperti tiga kali tambahan air penawar, tiga batang serai wangi untuk rawatan kencing manis (Harun, D. 2011: 98-99), lima belas sehingga dua puluh satu helai daun kacang botol untuk rawatan sawan tarik (Harun, D. 2011:195), tiga ekor anak burung ciak rumah untuk rawatan asma di kalangan kanak-kanak (Harun, D. 2011:81). Asas amalan keganjilan ini ialah praktik nabi s.a.w. dan para sahabat sebagaimana dinyatakan terdahulu.

Sebahagian bahan rawatan yang digunakan Darussyifa' adalah berdasarkan pelbagai hadis yg telah dinyatakan tadi seperti air, garam, inai dan banyak lagi. Sealiran dengan mazhab kedua mengenai bahan-bahan perubatan yang dinyatakan dalam pelbagai riwayat hadis, Darussyifa' memanfaatkan mineral, buah-buahan, tanaman dan tumbuhan dan haiwan dari khazanah alam tropika tempatan dalam praktis perawatan seperti air yasin dan air hujan malam jumaat diruqyahkan untuk rawatan umum (Harun, D. 2011:45), kelapa tumbuh, getah buah betik muda untuk asma (Harun, D. 2011:81), daun semperai dan minyak sapi asli atau kulit buah delima masak, ibu kunyit, daun inai dan bedak sejuk untuk ubati pesakit buasir (Harun, D. 2011:87), serai wangi, gula batu dan daun batu ginjal untuk rawatan batu karang (Harun, D. 2011:94), pokok letup-letup atau daun betik kering atau akar petawali atau akar inai atau kulit jering atau daun hempedu bumi atau daun misai kucing untuk tangani kencing manis (Harun, D. 2011:98-99), rumput sambau dan bedak sejuk asli untuk rawatan kayap (Harun, D. 2011:115), lendir belut liar yang dimasak bersama nasi sebagai penawar kepada pesakit asma (Harun, D. 2011:81), arnab jantan yang disalai atau digoreng tanpa garam bersama campuran herba seperti halia bara, ibu kunyit, ingu dan bunga lawang untuk hasilkan minyak untuk digunakan sebagai minyak urut pesakit lumpuh (Harun, D. 2011:204). Semua contoh ini sekadar pernyataan mengenai penghargaan Darussyifa' terhadap khazanah ubat-ubatan tempatan dalam menghulurkan khidmat perubatan kepada khalayak ramai serta perkongsiannya dalam memahami maksud dan pengertian penggunaan bahan-bahan rawatan menurut Sunnah tanpa mengabaikan penggunaan sebahagian bahan rawatan menurut pelbagai sumber riwayat hadis.

PENUTUP

Di mana ada penyakit, di situ ada penawarnya sejarar dengan sabda nabi s.a.w yang bermaksud: ‘dapatkan rawatan wahai para hamba Allah kerana sesungguhnya Allah s.w.t. tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan menurunkan sesuatu penawar untuknya’ (Al-Bukhārī, 2002:1441. Hadis no: 5354 & Muslim, 2000:977. Hadis no: 5741). Ia merupakan isu global. Pelbagai kaedah perubatan amalan nabi merupakan kemudahan untuk perawat dan pesakit membuat pilihan yang serasi dengan keadaan diri, kewangan dan bahan. Ini bermakna berintraksi dengan Sunnah boleh dicapai melalui pelbagai saluran dan cara.

Diakui bahawa rawatan yg berasaskan al-quran & doa yg disertai dengan sentuhan, hembusan dan lain-lain, diterimakan oleh semua ilmuan tafsir, ahli hadith dan pakar rawatan. Jika terdapat kekhilafan dikalangan mereka mengenainya, ia melibatkan beberapa aspek teknikal sahaja seperti ruqyah menggunakan ayat al-Quran yang tidak digunakan Nabi s.a.w untuk ruqyah pesakit, berdoa dengan doa para solihin yang tidak *warid* dalam al-Quran dan Sunnah. Ini boleh diterima pakai selagi ia selari dengan syariah dan tidak mengandungi kandungan dan praktis bertentangan syariah seperti syirik dan najis (Muslim, 2000:975. Hadis no: 5732).

Walau bagaimanapun adalah kurang tepat melihat keseluruhan perubatan ini dari makmal perubatan ‘Hijaz’ atau Haramain atau Semenanjung Arab dan beberapa daerah berdekatan sahaja. Kefahaman mazhab kedua terhadap teks hadis merupakan suatu kluasan & kemudahan untuk memanfaatkan pelbagai kekayaan khazanah alam khasnya tumbuh-tumbuhan Nusantara bagi merialisasikan Maqasid Syariah dalam perubatan iaitu memperolehi manfaat (penawar & kesihatan) dan menangani kemudaratian (penyakit). Kefahaman ini juga menggalakkan individu perawat dan institusi perubatan termasuk pelbagai pusat pengajian Tingi Islam Serantau, menjalankan aktiviti penerokaan, ujian, kajian & penemuan terhadap penyakit dan ubat berasaskan pelbagai sumber alami tempatan. Dengan ini, nikmat Tuhan dimartabatkan, kebenaran kenabian diserlahkan, khazanah tropika dikecapi dan dihargai, demi kesihatan peribumi rantau ini. Kefahaman ini menampilkan teks hadis dalam bentuk konteks tempatan yg lebih luas bagi mencapai maksud keharmonian Dalil Naqli dengan Dalil Aqli.

RUJUKAN

- Abu Dawud Sulaymān ibn al-Ash‘ath al-Azdi as-Sijistani. (2009). Kitab al-Tib. *Sunan Abu Dawud*. Damsyik: Dar al-Risalah al-‘Alamiyyah. Jil. 6.
- Al-Asyqar, Muhd Sulaiman. (1988). *Afa’l al-Rasul wa Dalalatuha Al al-Ahkam al-Syariyyah*. Beirut: Muassasat al-Risalah. Jil.1.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju‘fī. (2002). Kitab al-Mardha. *Sahih al-Bukhārī*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju‘fī. (2002). Kitab al-Tib. *Sahih al-Bukhārī*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju‘fī. (2002). Kitab Fadhlal al-Quran. *Sahih al-Bukhārī*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Bukhārī, Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Ismā‘īl ibn Ibrāhīm ibn al-Mughīrah ibn Bardizbah al-Ju‘fī. (2002). Kitab al-Daawat. *Sahih al-Bukhārī*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Al-Hakim, Abu Abd-Allah Muhammad ibn Abd-Allah al-Nishapuri. (2002). Kitab Fadhlal al-Quran. *Al-Mustadrak ala al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Kutub al Ilmiyyah. Jil. 1.
- Al-Hakim, Abu Abd-Allah Muhammad ibn Abd-Allah al-Nishapuri. (2002). Kitab al-Tib. *Al-Mustadrak ala al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Kutub al Ilmiyyah. Jil. 1.
- Al-Kahhal, Abu al-Hasan Ali bin Abd Karim bin Tarkhan bin Taqiy al-Hamawi. (2004). *Al-Ahkam al-Nabawiyyah fi al-Sina’ah al-Tibiyyah*. Kahirah: Matba’ah al-Halabi. Jil. 1.
- Al-Qardhawi, Dr Yusof. (1997). *Al-Sunnah Masdaran li al-Ma’rifat wa al-Hadharah*. Beirut: Dar al-Syuruq.
- Al-Quran al-Karim
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad ibn ‘Isā as-Sulamī aḍ-Ḍarīr al-Būghī. (1962). Kitab al-Tib. *Sunan at-Tirmidhī*. Suntingan Fuad abd Baqi. Mesir: Syarikat Mustafa al-Halbi. Jil. 4
- Din, Dato’ Dr Harun. (2011). *Rawatan Penyakit Jasmani I*. Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia & Koperasi Darussyifa’ Berhad. Jil. 2.
- Ibn ‘Abd al-Barr, Yusuf ibn Abdallah ibn Mohammed, Abu Umar al-Namari al-Andalusī al-Qurtubi al-Maliki. (2008). *Al-Tamhīd limā fīl-Muwatta’ min al-Ma`ānī wal-Asānīd*. Suntingan Usamah Ibrahim. Kahirah: al-Faruq al-Hadithah. Jil. 15.
- Ibn Hajar, Shihāb al-Dīn Abu ’l-Faḍl Aḥmad b. Nūr al-Dīn ‘Alī b. Muḥammad b Ḥajar al-‘Asqalānī. (2005). *Fath al-Bari*. Riyadh: Dar Taibah. Jil. 14.
- Ibn Khaldūn Zayd ‘Abd ar-Rahmān ibn Muḥammad al-Ḥadramī. (2004). *Al-Muqaddimah*. Damascus: Maktabah al-Hidayah. Jil. 2.
- Ibn Majah, Abū ‘Abdillāh Muḥammad ibn Yazīd Ibn Mājah al-Rab‘ī al-Qazwīnī. (2002). Kitab al-Tib. *Sunan Ibn Majah*. Suntingan Muhd Nasir al-Albani. Riyadh: Maktabah al-Maarif. Jil. 4
- Ibn Majah, Abū ‘Abdillāh Muḥammad ibn Yazīd Ibn Mājah al-Rab‘ī al-Qazwīnī. (2002). Kitab al-Manasik. *Sunan Ibn Majah*. Suntingan Muhd Nasir al-Albani. Riyadh: Maktabah al-Maarif. Jil. 2.
- Ibn Majah, Abū ‘Abdillāh Muḥammad ibn Yazīd Ibn Mājah al-Rab‘ī al-Qazwīnī. (2002). Kitab Iqamat al-Solat. *Sunan Ibn Majah*. Suntingan Muhd Nasir al-Albani. Riyadh: Maktabah al-Maarif. Jil. 1.
- Ibn Qayyim Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Ayyūb al-Zur‘ī l-Dimashqī l-Ḥanbalī. (1998). *Zad al-Maad*. Suntingan Syuib al-Arnaut. Beirut: Muassasah al-Risalah. Jil. 4.
- Ibn Qayyim. Shams al-Dīn Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn Abī Bakr ibn Ayyūb al-Zur‘ī l-Dimashqī l-Ḥanbalī. (2011). *Madarij al-Salikin*. Riyadh: Dar al-Samai’. Jil. 4.
- Ismail, Sayyed Syauqi al-Sayyed. (2001). *Al-Tib al-Nabawi wa Mukhtabar al-Tib al-Hadith*. Fullfilment Thesis for Master Programme. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia

- Muslim, Abū al-Ḥusayn ‘Asākir ad-Dīn ibn al-Ḥajjāj ibn Muslim ibn Ward ibn Kawshādh al-Qushayrī an-Naysābūrī. (2000). Kitab al-Salam. *Sahih Muslim*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn ‘Asākir ad-Dīn ibn al-Ḥajjāj ibn Muslim ibn Ward ibn Kawshādh al-Qushayrī an-Naysābūrī. (2000). Kitab al-Haj. *Sahih Muslim*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn ‘Asākir ad-Dīn ibn al-Ḥajjāj ibn Muslim ibn Ward ibn Kawshādh al-Qushayrī an-Naysābūrī. (2000). Kitab al-Zikr wa al-Dua wa al-Tawbat wa al-Istighfar. *Sahih Muslim*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn ‘Asākir ad-Dīn ibn al-Ḥajjāj ibn Muslim ibn Ward ibn Kawshādh al-Qushayrī an-Naysābūrī. (2000). Kitab al-Musaqat. *Sahih Muslim*. Saudi Arabia: Dar al-Salam.